



MENTERI LUAR NEGERI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT DUA HALA DENGAN PUAN YANG TERUTAMA CATHERINE COLONNA, MENTERI EROPAH DAN HAL EHWAH LUAR PERANCIS

Saya telah mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatan, Puan Yang Terutama Catherine Colonna, Menteri Eropah dan Hal Ehwal Luar Perancis di Paris pada 02 Jun 2023.

Semasa pertemuan tersebut, kami telah menilai kemajuan kerjasama sedia ada dan meneroka potensi kolaborasi baharu yang lebih komprehensif.

Kami juga bersetuju agar interaksi dan kerjasama dua hala di dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, pertahanan, perdagangan, pelaburan, kesihatan dan pelbagai lagi perlu terus dipertingkatkan.

Kami telah membincangkan usaha-usaha bersama dalam menangani isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama terutamanya komitmen Perancis dalam meningkatkan lagi kerjasama pembangunan dengan ASEAN serta situasi yang membimbangkan di Myanmar. Kami juga menzahirkan sokongan terhadap rantau Indo-Pasifik yang bebas, terbuka dan inklusif demi kemakmuran perdagangan dan perniagaan.

Saya juga menyambut baik kenyataan lisan dan bertulis yang dizahirkan Menteri Eropah dan Hal Ehwal Luar Perancis berhubung pendirian rasmi Kerajaan Perancis yang menyokong penuh kedaulatan dan keutuhan wilayah Malaysia berdasarkan sempadan yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Ini seterusnya dapat menyangkal percubaan mana-mana pihak yang cuba mencabar dan menafikan kedaulatan Malaysia.



MENTERI LUAR NEGERI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Secara kesimpulannya, lawatan kerja saya ke Paris ini telah berjaya untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala yang telah erat terjalin antara Malaysia dan Perancis serta pada masa sama memastikan kepentingan dan kedaulatan negara terus terpelihara.

Dr. Zambry Abd Kadir
MENTERI LUAR NEGERI

03 Jun 2023